

Rabu, Apr 11 2018

1MDB tiada bukti kaitkan Najib - Seng Giaw

UTUSAN 11/4

KUALA LUMPUR 10 April - Bekas Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC), Dr. Tan Seng Giaw tetap berpegang kepada kenyataannya bahawa Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak tidak terlibat secara langsung terhadap kelemahan pengurusan syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Ahli DAP itu berkata, ini kerana berdasarkan siasatan oleh jawatankuasa berkenaan selama berbulan-bulan, tiada bukti untuk mengaitkan Perdana Menteri dengan salah tadbir urus syarikat pelaburan milik kerajaan terbabit.

Tambahan pula katanya, sepanjang siasatan dilaksanakan lebih dua tahun lalu itu secara tidak langsung juga turut dipengaruhi oleh laporan-laporan berita portal asing, *Sarawak Report* yang lebih berbentuk persepsi berbanding memberikan bukti sahih.

"Kita percaya kepada undang-undang, begitulah pandangan saya berdasarkan laporan PAC mengenai 1MDB. Bukti perlu dikemukakan bagi mengaitkan pembabit seseorang"



Sepanjang siasatan dilaksanakan lebih dua tahun lalu itu secara tidak langsung juga turut dipengaruhi oleh laporan-laporan berita portal asing, *Sarawak Report* yang lebih berbentuk persepsi berbanding memberikan bukti sahih. Kita percaya kepada undang-undang

gantikan pembuatannya seseorang, katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia di sini hari ini.

Seng Giaw berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai nasibnya ekoran tindakan DAP tidak mencalonkan beliau untuk mempertahankan kerusi Parlimen Kepong yang disandangnya sejak lapan penggal lalu dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Dua tahun lalu, Seng Giaw menyatakan tidak benar untuk mengaitkan Najib yang merupakan Pengerusi Lembaga Penasihat syarikat berkenaan sedangkan segala urusan 1MDB ditentukan oleh Lembaga Pengurusan.

Jelasnya, nama Najib hanya timbul semasa melihat kepada senarai Lembaga Penasihat 1MDB sahaja dan selain daripada itu tiada kaitan.

Ditanya adakah disebabkan kenyataan itu menyebabkan dirinya tidak dicalonkan, beliau

kepada undang-undang, begitulah pandangan saya berdasarkan laporan PAC mengenai 1MDB."

DR. TAN SENG GIAW

Bekas Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara

berkata, soalan tersebut perlu ditanya kepada Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng.

Beliau mengakui, mungkin terdapat beberapa perbezaan pandangan antaranya dengan Guan Eng mengenai pelbagai isu, tetapi enggan mengulas apakah perkara tersebut.

"Tiada masalah jika tidak dicalonkan. Ini adalah lumrah ahli politik dan bukan semua akan bersetuju 100 peratus dengan orang lain dalam semua perkara," katanya.